

**PENGURANGAN DENDA LEWAT PEMULANGAN BAHAN**

- i. Ketua Pustakawan mempunyai kuasa untuk meluluskan pengurangan denda lewat pemulangan bahan maksimum sehingga 50% daripada jumlah denda lewat pemulangan yang dikenakan.
- ii. Kelulusan permohonan rayuan pengurangan denda lewat pemulangan adalah bergantung kepada alasan-alasan yang dikemukakan bersama-sama dokumen sokongan.
- iii. Ketua Pustakawan boleh menurunkan kuasa kepada Timbalan Ketua Pustakawan, Ketua-ketua Bahagian dan Pustakawan bagi pengurangan denda maksimum sehingga 30% ketika ketiadaan beliau.
- iv. Hanya Denda Lewat Pemulangan sahaja yang boleh diluluskan pengurangan denda. Sekiranya harga buku hilang/rosak melebihi RM200.00, Ketua Pustakawan atau pegawai lain berhak untuk meluluskan pengurangan bayaran wang proses yang dikenakan.
- v. Hanya Pustakawan Bahagian Perkhidmatan dan Maklumat yang boleh melupuskan (override) denda di dalam sistem ILMU setelah permohonan pengurangan denda diluluskan oleh Ketua Pustakawan.
- vi. Denda di PTB bagi pelajar-pelajar bakal bergraduat di bawah RM10.00 boleh dilupuskan.
- vii. Melupuskan amaun denda individu yang telah tamat pengajian / berhenti / diberhentikan / gugur dan sebagainya daripada sistem ILMU sekiranya hutang dengan PTB melebihi 5 tahun, iaitu setelah usaha untuk memungut hutang tidak berjaya atau tidak mendapat maklum balas daripada individu tersebut.